



Lengkapkan ayat-ayat di bawah dengan kata nafi yang paling sesuai.

- 1) Aliff _____ malas bersukan tetapi dia mengalami masalah tulang belakang bengkok.
- 2) Amanda _____ membawa apa-apa semasa melawat kawannya yang terlantar di hospital.
- 3) Alat-alat tulis itu _____ untuk anaknya, tetapi untuk anak-anak muridnya.
- 4) "Motor yang ditunggang oleh abang _____ laju sangat," kata Ryan kepada ayahnya.
- 5) Dia cuma mengarah sahaja, _____ hendak menolong kami membuat kerja.
- 6) Mereka _____ dapat meneruskan perlawanan bola baling kerana hujan sangat lebat.
- 7) Kereta itu _____ buatan Jepun tetapi buatan Malaysia.
- 8) " _____ dia yang mengambil pen itu," kata Brandon kepada Adam.
- 9) Mereka _____ dapat menyiapkan kerja sekolah kerana leka dengan permainan video.
- 10) Suraya _____ takut ketika memberikan laporan kepada polis berkaitan dengan kejadian rompakan itu.